

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN  
ABDUL RAHIM  
[ BALING ]**

**TARIKH : 20 Oktober 2015 (Selasa)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dalam menaik taraf sistem pengangkutan awam di kawasan Baling khususnya kerana perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan ini masih di tahap minimum.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedar akan kepentingan untuk mempunyai perancangan strategik dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bas henti-henti yang merupakan mod pengangkutan awam utama di luar bandar agar ia lebih efisien dan dapat dimanfaatkan oleh rakyat secara optimum.

2. Dalam hal ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah membentangkan rancangan jangka masa panjang sistem bas henti-henti (*Stage Bus Services Transformation - SBST*). Rancangan jangka masa panjang ini merupakan suatu model perniagaan baru bagi sistem bas henti-henti di Malaysia di mana S.P.A.D. akan menetapkan laluan dan jadual perkhidmatan yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar dengan 80% penduduk disasar untuk mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut. Program SBST ini akan dijalankan di seluruh negara dengan kerjasama kerajaan negeri serta mengikut beberapa fasa pelaksanaan secara berperingkat bermula pada tahun 2015.

3. Pada masa yang sama, S.P.A.D. juga telah memulakan inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) di setiap negeri bagi meneliti keperluan, menyediakan dan melaksanakan perancangan di daerah-daerah yang dikenal pasti di negeri masing-

masing. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan diurusetiaikan oleh S.P.A.D.

Sekian, terima kasih.